

Kerusi: Berjasa temui Mahathir

KUALA LUMPUR, Jumaat — Esok Yang Dipertua Agung Berjasa, Datuk Haji Mohamad Nasir akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk menyelesaikan masalah kerusi parti itu dalam pilihanraya umum 22 April ini.

Seorang jurucakap Berjasa memberitahu, masalah kerusi menjadi isu penting dalam rundangan esok sama ada Berjasa akan diberi kerusi untuk bertanding di negeri-negeri lain.

Katanya, formula penyertaan Berjasa dalam pilihanraya umum di Kelantan sudah diketahui initu sama ada 12 atau 11 kerusi Dewan Undangan Negeri dan satu atau dua Parlimen.

"Jawatankuasa Agung

parti lebih suka dengan formula 11 Dewan Undangan Negeri dan dua Parlimen di Kelantan," katanya.

Beliau menerangkan, rundingan tersebut juga akan membincangkan penyertaan Berjasa dalam pilihanraya ini di negeri-negeri lain seperti Trengganu, Perak, Kedah dan Perlis.

Menurutnya, Berjasa mahu pucuk pimpinan memberi peluang parti itu bertanding di Kedah, Trengganu dan Perak.

Kata putus

Tetapi, katanya, sama ada cadangan itu diterima atau tidak belum diketahui.

Jurucakap itu memberitahu, Berjasa akan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Agung Ahad ini untuk meneliti di samping menerima formula yang dipersetujui oleh

Datuk Seri Dr. Mahathir.

Katanya, selepas mendapat kata putus barulah nama-nama calon akan diketahui.

Beliau tidak menolak kemungkinan separuh dari 11 ADUN lama akan digugurkan dalam pilihanraya umum ini.

Antara muka baru ter-

masuklah Encik Ibrahim Ali, bekas pemimpin pelajar akan bertanding merebut kerusi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

Beliau dijangka akan bertanding kerusi Parlimen di Pasir Mas atau kerusi Dewan Undangan Negeri, Simpangan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia